

Kerjasama BN hasil kesan positif

UM 21 SEP 2003

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat terus memberi kerjasama dan sokongan kepada Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya umum ke-11.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kejayaan itu boleh diperolehi menerusi kerjasama berterusan semua parti komponen BN yang sejak sekian lama terbukti mendatangkan kesan positif hasil daripada perkongsian kuasa.

“Saya beri sokongan kepada saudara-saudara dan saya harap saudara bantu saya memastikan kejayaan Barisan Nasional,” katanya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata demikian ketika berucap pada Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Abdullah turut memberi jaminan akan meneruskan segala rancangan dan agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila mengambil alih kepimpinan negara penghujung bulan depan.

“Semoga rakyat dapat pastikan bahawa kerajaan BN akan lebih kukuh dan berkuasa,” katanya.

Dr. Mahathir dalam ucapannya selepas itu memberitahu bahawa beliau akan melepaskan jawatannya dengan senang hati memandangkan negara sudah ada pengganti dan meminta se-

mua ahli BN memberi sokongan penuh kepada Abdullah.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, kejayaan negara dalam pelbagai bidang keti-

ka ini diperolehi hasil perkongsian kuasa antara parti-parti komponen dalam BN.

Oleh itu beliau berharap perkongsian kuasa melibatkan parti-parti politik semua kaum dan agama itu dikekalkan bagi memastikan kejayaan negara seterusnya.

Menurutnya, Kerajaan Persekutuan yang diterajui BN akan memastikan tidak ada mana-mana pihak atau kaum diketepikan dalam segala perancangan untuk memajukan setiap golongan masyarakat.

“Kita akan pastikan kerajaan BN tidak akan ketepikan mana-mana kaum, agama dan bangsa kerana semuanya akan diberi tempat dalam negara kita yang semakin meningkat maju ini,” katanya.

Abdullah berkata, kerjasama BN bukan sekadar untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam pilihan raya, sebaliknya perkongsian kuasa itu juga bertujuan memastikan negara terus maju dan rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selesa.

Beliau berkata, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan BN demi memastikan kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang.

“Malaysia mesti boleh, jadi BN akan memastikan segala-galanya boleh dilakukan supaya Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang kukuh,” tegasnya.